



"PELIHARALAH SOLATMU".1

2	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقَيِّمَةِ ¹
3	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
4	. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.
5	Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Khatib ingin berpesan buat hadirin sekalian agar sama-samalah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga dengan ketakwaan yang sebenar-benarnya dan keimanan yang teguh akan menjadikan kita hamba yang berjaya di dunia dan juga di akhirat kelak.
6	Pada hari yang penuh keberkatan ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk " PELIHARALAH SOLATMU ". Muslimin yang berbahagia,
7	Solat merupakan suatu kefarduan bagi setiap umat Islam yang mesti dilaksanakan pada setiap hari dalam waktu yang telah ditetapkan. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa' ayat 103: إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا "Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."

¹ Al-Baiyinah : 5.



<p>Umat Islam yang menjaga solat mereka akan digolongkan ke dalam golongan orang-orang yang beriman. Oleh itu, mereka berhak menjadi hamba Allah SWT yang patuh pada perintah-Nya dalam erti kata yang sebenar-benarnya. Ibadah solat turut melatih diri kita supaya menjadi manusia yang berdisiplin dan menjaga waktu dengan mendirikan solat dalam waktu yang telah ditetapkan.</p>	8
<p>Al-Quran turut menegaskan bagi mereka yang menjaga dan mendirikan solat dengan sempurna, penuh khusyuk dan ikhlas akan terdidik jiwa daripada melakukan maksiat. Firman Allah SWT dalam surah al-'Ankabut ayat 45:</p> <p style="text-align: center;">وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ</p> <p><i>"Dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar."</i></p>	9
<p>Solat juga dapat membersihkan umat Islam daripada dosa-dosa yang telah dilakukan. Maka, dengan pembersihan tersebut akan menjadikan hati yang sentiasa suci, seterusnya akan menjadikan kita umat Islam yang sentiasa berada dalam kebaikan dan berbudi pekerti yang baik.</p>	10
<p>Hadis daripada Jabir bin Abdullah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">مَثَلُ الصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ كَمَثَلِ نَهْرٍ جَارٍ غَمْرٍ عَلَى بَابٍ أَحَدِكُمْ يَغْتَسِلُ مِنْهُ كُلَّ يَوْمٍ خَمْسَ مَرَّاتٍ</p>	11
<p><i>"Perumpamaan solat yang lima seperti sebatang sungai yang mengalir di hadapan pintu rumah seseorang daripada kamu, setiap hari dia mandi di dalamnya sebanyak lima kali".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	12
<p>Muslimin tetamu Allah yang dirahmati sekalian,</p> <p>Kewajipan mendirikan solat terletak di atas bahu umat Islam yang <i>mukallaf</i> baik lelaki mahupun wanita. Allah SWT melarang keras umat Islam meninggalkan solat secara sengaja walau dalam apa jua keadaan sekalipun serta mengancam mereka yang melalaikannya.</p>	13



<p>Firman Allah SWT menerusi surah al-Muddaththir ayat 42 dan 43:</p> <p style="text-align: center;">مَا سَلَكَكُمْ فِي سَقَرٍ قَالُوا لَمْ نَكُ مِنَ الْمُصَلِّينَ</p> <p><i>“(Setelah melihat orang-orang yang bersalah itu, mereka berkata): “Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?. Orang-orang yang bersalah itu menjawab: Kami tidak termasuk dalam kumpulan orang-orang yang mengerjakan sembahyang.”</i></p>	14
<p>Rasulullah SAW turut membuat perbandingan di antara orang yang beriman dengan yang kufur sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin Abdullah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ</p> <p><i>“Beza di antara seseorang (yang beriman) dengan yang syirik dan kufur adalah meninggalkan solat”.</i> <i>(Riwayat Muslim)</i></p>	15
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Perlaksanaan solat dalam Islam perlulah merujuk kepada al-Quran dan sunnah Rasulullah SAW. Dalam sebuah hadis daripada Malik bin Al-Huwairith Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">صَلُّوا كَمَا رَأَيْتُمُونِي أُصَلِّي</p> <p><i>“Solatlah kamu sepertimana kamu melihat aku solat”.</i> <i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p>	16
<p>Namun malangnya terdapat segelintir umat Islam yang cuba untuk mendatangkan keraguan dan mengubah tatacara ibadah solat yang telah lama kita amalkan. Malah mereka mendakwa solat cukup hanya sekadar berniat sahaja.</p> <p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p>	17



<p>Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita semua mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa perintah untuk mendirikan solat lima waktu datanganya daripada Allah SWT.2. Umat Islam hendaklah memastikan solat yang didirikan dalam keadaan sempurna dan menepati apa yang telah diajarkan oleh Rasulullah SAW melalui para ulama.3. Umat Islam hendaklah menjaga solat kerana apabila menjaga solat, maka terjagalah perkara-perkara yang lain dengan baik.	18
<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَالَّذِينَ هُمْ عَلَى صَلَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ ۚ أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ ۝ الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ۝</p>	19
<p><i>"Dan mereka yang tetap memelihara sembahyangnya. Mereka itulah orang-orang yang berhak mewarisi. Yang akan mewarisi Syurga Firdaus; mereka kekal di dalamnya."</i></p> <p>(al-Mukminun : 9-11).</p>	20
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan sosial. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.
5	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
6	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَنَحْفِظُ وَقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،
7	جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.
8	اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج



<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	11
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	12
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾</p>	13
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	14